

# 6 isu utama Melayu Pulau Pinang terpinggir

BH- 6/9/2006

**G**EORGETOWN Umno Bahagian Tanjung mengemukakan enam isu utama berserta fakta yang menunjukkan Melayu Pulau Pinang terus terpinggir kerana kegagalan kerajaan negeri melaksanakan dasar yang sudah dirangka.

Ia membabitkan ketidakseimbangan penduduk; ketidakseimbangan perancangan sumber tenaga; prospek ekonomi; pembangunan tanah wakaf; penyertaan Bumiputera dalam sektor perindustrian, perdagangan, perkhidmatan dan pelancongan serta program perumahan.

Ketua Umno Bahagian Tanjung, Datuk Ahmad Ibnihajar, berkata dari segi ketidakseimbangan penduduk, jelas menunjukkan penyusunan semula masyarakat tanpa mengira kaum dan kawasan yang tidak seimbang, memperlihatkan berlaku pemisahan kaum akibat dasar kerajaan negeri sendiri.

Fakta menunjukkan penduduk Melayu kurang di kawasan bandar seperti daerah Timur Laut yang mencatat penduduk Melayu hanya 18.1 peratus berbanding bukan Melayu seramai 81.9 peratus.

Ketidakseimbangan dari segi perancangan sumber tenaga pula menunjukkan peratusan Bumiputera dalam kategori pengurusan kurang berbanding bukan Bumiputera terutama dalam industri perdagangan, borong, runcit, hotel dan restoran.

"Apakah strategi yang digariskan

kerajaan negeri dalam menyelesaikan ketidakseimbangan penduduk, guna tenaga dan pembangunan guna tenaga di negeri secara bersepadu?"

"Kami juga ingin tahu apakah perancangan kerajaan negeri dalam memastikan aspirasi penyusunan semula masyarakat tanpa mengira kaum dan kawasan dapat dilaksanakan supaya isu ketidakseimbangan penduduk di kawasan bandar dapat diatasi," katanya pada majlis perasmian Bangunan Umno Tanjung, di Lebuh Bishop, di sini, semalam.


Bangunan dua setengah tingkat yang menempatkan Yayasan Pendidikan dan Kebajikan Tanjung bernilai RM1.5 juta, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ahmad berkata, dari segi prospek ekonomi pula, kumpulan etnik Bumiputera didapati mempunyai purata pendapatan isi rumah terendah berbanding kumpulan etnik lain.

Mengikut statistik pada 1999, pendapatan isi rumah Bumiputera ialah RM2,427, Cina (RM3,784) dan India (RM2,895).

Kegunaan tanah mengikut kaum pula menunjukkan keluasan tanah jenis bangunan dikuasai bukan Melayu iaitu 99.95 peratus, manakala Melayu hanya 0.05 peratus.

Keluasan tanah untuk jenis kegunaan industri bukan Melayu menguasai 97.96 peratus, manakala Me-



**CUBALAH RASA:** Abdullah menuang nira nipah kepada Samy Vellu sambil dipernatkan Koh selepas merasmikan Jambatan Sungai Muda menghubungkan Permatang Bendahari di Seberang Prai Utara dengan Kota Kuala Muda, Kedah, semalam.

layu (2.04 peratus).

Beliau juga berpendapat pembangunan tanah wakaf di kawasan Georgetown perlu dikecualikan daripada sekatan pembangunan kawasan warisan.

"Ini membolehkan usaha pembangunan semula tanah wakaf ini dapat

dilaksanakan secara menyeluruh bagi memberi manfaat kepada penduduk Islam di pusat bandar ini," katanya.

Ahmad berkata, penyertaan Bumiputera dalam sektor perindustrian, perdagangan, perkhidmatan dan pelancongan juga amat kecil berban-

ding kaum lain, sekali gus membuktikan kegagalan kerajaan negeri menangani isu itu.

Program perumahan juga mengecewakan golongan Melayu kerana sehingga 2000, matlamat dasar pelaksanaan rumah kos rendah di negeri ini belum tercapai.